

Akhbar Rasmi Kerajaan Negeri Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 4 RABU 25 JANUARI, 1967.

رابو 13 شوال 1386

PERCHUMA

Nasehat Y.A.B Menteri Besar Brunei kapada Ra'ayat dan Penduduk Negara

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un telah mengingatkan seluruh ra'ayat dan penduduk negeri ini supaya mereka menjauhkan diri dari buah fikiran yang akan memecah-belahkan fikiran ra'ayat.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal telah memberikan ucapan tersebut ketika beliau

berucap pada masa Penanggoahan Majlis Mashuarat Negeri Brunei di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada petang hari Ithnin 23 Januari, 1967.

Dalam ucapan tersebut, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal menegaskan pendapat satengah penduduk bahawa Brunei tidak berkemajuan jika di-bandingkan dua puluh tahun dahulu, ada-

lah fikiran yang mengelirukan ra'ayat dan orang ramai.

Mengenai Kemajuan Negara dalam Bidang Pembangunan dan Pertanian, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal berkata antara lain, bahawa kemajuan tersebut ada-lah berjalan dengan mengikut keadaan dan langkah2 yang di-laksanakan.

Beliau menjelaskan ba-

hawa ra'ayat dan penduduk negeri ini dapat menyaksikan kemajuan2 tersebut, seperti jalan2 raya, jalan2 kecil, bangunan2 Kerajaan, Perkembangan Pertanian dan di-samping itu juga bangunan2 dan perusahaan2 yang di-laksanakan oleh pribet atau persendirian.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal telah mensifatkan orang2 yang tidak mengikuti dan menafikan kemajuan negara sa-bagai hanya pandai mengkeritik, tetapi tidak pandai melaksanakan.

Majlis Mashuarat Negeri Brunei itu telah bersidang sa-lama enam belas hari untuk membincangkan beberapa perkara, antaranya ia-lah Peruntukan Belanjawan Tahun 1967; Rang Undang2 Barang2 Purbakala dan Harta Terpendam; Rang Undang2 Mata Wang (Pindaan) 1966 dan Rang Undang2 Ugama dan Mahkamah2 Kadhi Tahun 1966.

Rombongan Jabatan Pesuruhjaya Kebajikan Melawat Puni

BANDAR BRUNEI. — Rombongan dari Jabatan Pesuruhjaya Kebajikan Negeri Brunei akan melawat ka-Balai Raya Puni, Daerah Temburong pada jam 2.00 petang hari Thalatha 31 Januari 1967.

Ketua Kampong yang berkenaan ada-lah di-minta supaya mengumpul anak2 buahnya ka-tempat tersebut pada waktu yang di-tetapkan.



Sa-rombongan tujuh orang dari Illinois, Amerika Shariat, di-ketuai oleh Bekas Gabnor Rotary Daerah 649, Kelab Rotary Antara Bangsa, Lowell D. Samuel telah melawat ka-Negeri Brunei mulai pada 18 Januari, 1967 hingga 20 Januari, 1967. Antara tujuhan2 lawatan itu ia-lah untuk menghubungkan Perpaduan Persahabatan dengan Pegawai2 dan anggota2 Kelab Rotary Antara Bangsa dan penduduk2 negara2 yang di-lawati dalam Daerah 330 K.R.A.B., ia-itu mengandon-

gi Brunei, Cambodia, Laos, Malaysia, Singapura, Vietnam Selatan dan Thailand.

Pada masa lawatan ka-Negeri Brunei, pelawat2 itu telah menziarahi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin di-Istana Darul Hana. Mereka telah di-temani oleh Yang Dipertua K.R.A.B. Bandar Brunei, Awang G.V. de Freitas. Mereka telah melawat ka-beberapa tempat di-negeri ini dan juga di-ra'ikan

di-Majlis J a m u a n.

Gambar ini di-ambil pada masa pelawat2 tersebut menziarahi D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan di-Istana. Dalam gambar ini kelihatan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan (bilangan ketiga dari kiri di-hadapan). Di-sabelah kanan Baginda dalam gambar ini ia-lah Ketua Rombongan tersebut dan di-sabelah beliau ia-lah Pengarah Penyiaran dan Penerangan Brunei, Awang G.V. de Freitas yang menjadi Yang Dipertua K.R.A.B. Bandar Brunei.

Perbuatan2 Jahat dan Kesan-nya kapada Masharakat

PERBUATAN2 jahat dengan sendiri-nya akan mengheret manusia daripada jalan kebaikan ka-jalan kejahatan dan akan membawa manusia merendahkan nilai2 kebaikan yang menjadi puncha kemuliaan manusia.

Perbuatan2 jahat ada-lah serupa dengan hama dan kuman penyakit yang begitu chepat berjangkit dari tuboh ka-tuboh yang lain. Satu perbuatan jahat itu jika di-biarkan begitu sahaja tanpa di-cheгах, ia-nya akan merebak, berkembang dan akan menjadi soal biasa sahaja yang akibat-nya ia-lah kerosakan masharakat dan kehilangan nilai2 kebaikan. Apabila masharakat sudah rosak dan nilai2 kebaikan sudah tidak di-hiraukan oleh anggota2 masharakat maka akan hilang-lah rasa aman dan tenteram, masing2 sudah tidak percaya memperchayai lagi, masing2 sudah putus hubungan silaturrahim-nya. Akhir-nya timbul-lah "agoesime" faham keakuan dan nafsu nafsi yang hanya mementingkan shahwat dan nafsu jahanam.

Perbuatan2 jahat itu nya-ta: Bukan-lah perbuatan2 jahat itu suatu hal yang sukar di-ketahui dan di-fahami. Sebab di-tinjau dari sudut tabiat kemanusiaan yang luhur dan dari segi kemasharakatan, perbuatan2 jahat itu begitu nyata dan dapat di-fahami oleh anggota2 masharakat. Orang2 boleh mengatakan itu perbuatan jahat, dan ini perbuatan baik. Ugama2 langit—menurut proses perkembangan-nya, telah banyak menerangkan gambaran kebanyakan tabiat kemanusiaan. Ugama2 itu telah menegaskan soal2 yang berkenaan dengan jiwa, harta, kehormatan, hak2 dan kewajipan2. Mencheroboh sa-tiap soal di-atas, menurut pandangan Sharia't2 Allah ada-lah merupakan perbuatan jahat yang menghalang perkembangan ka-arrah kemajuan dan kesempurnaan hidup.

Penting benar-lah bagi panganjor2 dan para pendidik mengambil perhatian yang berat dan kajian2 yang halus terhadap apa2 perbuatan jahat yang menyentoh masharakat seperti jalan2 penipuan dan perbuatan2 munafik (pepat di-luar renchong di-dalam) yang sering menjadi toping untuk menamakan benih2 kejahatan

dalam segala bidang kehidupan. Penting benar-lah mereka jangan tertipu dengan "kebaikan" yang di-bungkus dengan kejahatan, maka atas nama kebebasan dan atas nama kemajuan orang sudah berani melakukan kejahatan. Padahal kejahatan yang di-lakukan itu ada-lah penghalang kebebasan dan kemajuan itu sendiri. Bukan tidak ada pendapat2 yang salah sa-hingga ada yang mengira itu perbuatan baik padahal pada hakikat-nya itu ada-lah perbuatan jahat.

oleh Abdul Hamid bin Bakal M.A. (Azhar)

Itu kemajuan padahal itu penghalang kemajuan itu sendiri.

Islam mengambil berat tentang penghapusan kejahatan: Kerana itu-lah Islam sangat mengambil berat tentang usaha2 penghapusan kejahatan ini. Islam, Ugama yang di-datangkan Tohan untuk memimpin kemanusiaan yang telah berada di-peringkat kesempurnaan kemanusiaan; suatu kesempurnaan yang menuju hidup bermasharakat, bukan hidup sendiri2. Sebab itu-lah Qur'an dan Junjungan Besar kita Mohammad s.a.w., sentiasa memberi pimpinan dan petunjuk2 untuk penghapusan kejahatan.

Perhatian berat Qur'an tentang mencheгах kejahatan dan menyuruh berbuat kebaikan: Awal2 lagi Qur'an memberi gambaran tentang kebajikan dan kejayaan. Kedua2an tidak akan di-chapai oleh sa-saorang dan anggota masharakat melainkan dengan ada-nya "pencheгахan kejahatan" dan menyuruh membuat kebaikan. Di-dalam Qur'an ada di-terangkan dalam Ayat 104 dari Surah Asli 'Imran yang bermaksud:

"Dan hendak-lah ada di-antara kamu satu umat (satu golongan) yang berusaha menyuruh berbuat kebaikan dan mencheгах kejahatan, dan mereka-lah orang2 yang berjaya."

Kita berpendapat bahawa Qur'an menyebutkan kejayaan sa-suatu masharakat itu harus ada suatu golongan pencheгах kejahatan dan manusia2 yang menyuruh berbuat kebaikan, ada-lah menunjukkan betapa penting-nya golongan tersebut.

Hal ini ada-lah termasuk dalam salah satu soal yang berkaitan dengan Iman yang boleh menunjukkan kurang atau sempurna-nya Iman sa-saorang anggota masharakat. Yang kedua-nya perkara tersebut di-dalam Ayat Qur'an yang lain telah dinyatakan lebih dahulu dari soal2 kewajipan2 persarangan tentang peribadatan yang lain dan di-sebut-nya sa-chara bersendirian (tidak sechara umum) dalam soal2 ta'atkan Allah. Firman Allah yang erti-nya.

"Dan orang2 Mu'min (lelaki dan perempuan) ada-lah sebahagian-nya bertanggung jawab atas sebahagian lain-nya, mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang berbuat kejahatan, mereka ta'at kapada Allah dan Rasul-nya, sabenar-nya mereka itu-lah yang akan di-rahmati Allah, sa-sungguh-nya Allah Maha gagah dan Maha Bijaksana."

Lihat-lah susunan Ayat tersebut. Kata2 "menyuruh berbuat kebaikan dan melarang berbuat kejahatan" telah di-dahulukan daripada kata2 "mereka mendirikan sembahyang.....dan seterusnya". Ini menunjukkan betapa penting-nya golongan tersebut dan masharakat yang demikian ada-lah tergolong daripada suatu masharakat yang bertaraf tinggi.

Dalam Ayat 110 dari Surah Asli 'Imran Qur'an menyatakan: "Kamu-lah sa-

baik2 umat yang di-keluarkan bagi manusia, kamu menyuruh berbuat kebaikan dan melarang dari membuat kejahatan dan kamu beriman dengan Allah." Ayat yang di-terangkan di-atas telah menyatakan pendirian Islam tentang melarang kejahatan sechara positif.

Apa-kah pula pandangan Islam tentang masharakat yang bersifat negatif terhadap perbuatan jahat?

Di-dalam Qur'an di-terangkan mengenai Bani Israil yang enggan bertindak untuk menghindarkan perbuatan jahat di-kalangan masharakat mereka, Firman Allah:

"Telah di-la'nat orang kafir dari golongan Bani Israil menerusi Daud dan 'Isa bin Maryam kerana mereka itu membawa ma'asiat, dan mereka tidak mencheroboh, mereka tidak berlarangan2an dari perbuatan jahat yang mereka lakukan. Alangkah keji-nya apa yang mereka lakukan."

Orang2 Bani Israil telah mendapat la'nat Tohan kerana dalam masharakat mereka tidak ada orang atau golongan yang mencheгах. Sa-tiap ma'asiat dan perbuatan jahat di-hadapan mata pun tidak ada orang yang mahu atau berani mencheгах-nya. Mereka yang demikian itu di-pandang keji oleh Allah s.w.t.

Pengambilan berat sunnah terhadap keselamatan masharakat: Sabagaimana pendirian Qur'an mengenai perkara ini seperti yang telah kita sebutkan, maka demikian pula-lah pendirian Hadith2 yang SAHEH (betol) antara-nya ia-lah dari

LIHAT MUKA 3

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 25 Januari 1967 hingga ka-hari Selasa 31 Januari, 1967 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
25 Jan.		12.37	3.58	6.34	7.46	5.06	5.20	6.35
26 Jan.		12.39	3.59	6.36	7.47	5.07	5.21	6.36
27 Jan.		12.39	3.59	6.36	7.47	5.07	5.21	6.36
28 Jan.		12.39	3.59	6.36	7.47	5.07	5.21	6.36
29 Jan.		12.39	3.59	6.36	7.47	5.07	5.21	6.36
30 Jan.		12.39	3.59	6.36	7.47	5.07	5.21	6.36
31 Jan.		12.39	3.59	6.36	7.47	5.07	5.21	6.36

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.


Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada puko! 12.45 tengah hari.

MALAM ANEKA HIBORAN ANJORAN K. M. S.

SERIA. — Kelab Melayu Shell akan menyambut Hari Raya Aidil Fitri dengan mengadakan "Malam Aneka Hiboran" bertempat di-Dewan kelab itu pada hari Sabtu 28 Januari, 1967 mulai jam 7.30 malam.

Berbagai2 achara akan diadakan di-temasha tersebut. Di-antara-nya ia-lah Peraduan Lawak Jenaka, Dera-ma, Tarian dan Nyanyian.

Peraduan Lawak Jenaka tersebut akan di-jalankan antara pasokan2 ia-itu me-ngandongi tiga orang sa-pa-sokan dan terbuka kepada penduduk2 di-Daerah Belait sahaja.



Lima orang penuntut2 dari Negeri Brunei yang belajar di-Sekolah Arab Al-Junied, Singapura telah di-pilih un-tok melanjutkan pelajaran ka-Kolej Islam Malaya di-Klang, Selangor mulai pada bulan Januari tahun ini.

Mereka ia-lah Awang Ah-mad Bokhari bin Haji Hana-fiah, Awang Abdul Rajid bin Abdul Kadir, Awang Abdul

Salim bin Haji Besar, Awang Abdul Hamid bin Haji Ab-dullah dan Awang Kassim bin Lamat.

Dalam gambar ini keliha-tan kelima2 orang penuntut2 tersebut. Dudok di-tengah ia-lah Awang Haji Ibrahim bin Haji Kassim, Penyelia Asrama Kerajaan Brunei di-Singapura.

Menghadhiri Kursus Imigresen di-England

BERAKAS. — Pengiran Kamaluddin bin Pengiran Rabaha, sa-orang Pegawai Kanan Jabatan Imigresen, Brunei telah berlepas dari Brunei ka-United Kingdom dengan kapal terbang baru2 ini untuk menghadhiri Kur-sus Pegawai2 Imigresen dari Negara2 Komonwealth di-London sa-lama tiga minggu.

Di-antara ramai orang yang telah menguchapkan "Selamat Berangkat ka-Eng-land dan Selamat Balek Ka-Tanah Ayer" kepada Pengi-ran Kamaluddin di-Lapangan Terbang Berakas Brunei ia-lah Timbalan Pengawal Imi-gresen Negara, Brunei, Awg. Mohamed Ja'afar bin Haji Md. Daud; Pegawai2 Imigre-sen dan keluarga Pengiran Kamaluddin.

Perbuatan2 Jahat dan Kesan-nya kepada Masharakat

DARI MUKA 2

apa yang di-riwayatkan dari-pada Abu Bakar Assiddik. Beliau berkata: "Wahai orang2 yang beriman kamu bertanggung jawab atas diri kamu, tidak akan memudza-ratkan kamu andai-nya ada orang yang sesat sedangkan kamu mengikut jalan2 hida-yat (jalan2 pertunjak), dan aku sendiri mendengar Ra-sulullah bersabda: "Suatu kaum yang membuat ma'siat, padahal ada orang yang berkuasa melarang mereka —sedangkan mereka enggan berbuat demikian—kaum itu hampir kesemua-nya di-ling-kupi oleh azab Allah."

Ini menguatkan lagi huj-jah kita di-permulaan ran-chana ini, dalam mana per-lakuan jahat itu dapat di-umpamakan sabagai kuman penyakit yang berjangkit dan merebak. Kalau ada usaha2 pencegahan maka akan selamat-lah seluroh anggota masharakat daripa-da terkena sakit yang ber-jangkit itu. Begitu juga de-ngan perbuatan2 jahat dan ma'siat maka harus-lah di-che-gah sa-belum merebak dan merata di-seluroh ma-sharakat. Sebab apabila ke-jahatan telah merebak, ma-ka akan rosak-lah mashara-kat. Kerosakan itu bukan hanya terkena pada manu-sia2 yang melakukan keja-hatan itu, tetapi juga kepada manusia2 yang tidak ada kena mengena pun harus me-nerima akibat-nya. Ini-lah lingkupan Azam Allah. Ke-rosakan itu tentu-lah ber-puncha dari kechuaian ang-gota2 masharakat itu sen-

diri dalam bidang penche-gahan2 ma'siat dan perbuatan2 jahat tadi. Dari sini nyata-lah bahawa kesan2 perbuatan2 jahat bukan ter-khas kepada orang2 yang melakukan-nya sahaja, teta-pi orang2 yang bersifat "ti-dak ambil tau" dan "nega-tive" terhadap perbuatan ja-hat itu dengan sa-chara di-sedari atau tidak telah me-nyebarkan perbuatan2 terse-but. Perbuatan dosa itu ada dua, satu segi perbuatan do-sa yang terbit dari sa-sa-orang ia-itu perbuatan itu sendiri. Dan satu lagi per-buatan dosa yang terbit dari orang yang tahu bahawa per-buatan itu dosa tetapi ia mungkin kerana soal harta atau kedudukan—menjauh-kan diri-nya dari menche-gah-nya. Dengan itu bererti ia telah menjadi shakikat (kongsi) dalam menyibar dan merosakkan masharakat dengan ka-negitipan-nya.

Tingakatan2 merobah atau menche-gah kejahatan. 1 (de-ngan kekuatan): Hadith Nabi Mohammad s.a.w., da-lam soal ini antara-nya ia-lah: "Sesiapa di-antara ka-mu yang melihat suatu per-buatan jahat (mungkar) ma-ka hendak-lah ia mengubah-nya dengan tangan-nya, ka-lau dia tiada berdaya maka dengan lidah-nya, kalau ia tiada berdaya juga maka de-ngan hati-nya dan itu ada-lah sa-lemah2 Iman." De-ngan tingkatan2 kekuasaan menche-gah itu-lah dapat di-ukur Iman kita. Dan usaha2 penche-gahan itu ada-lah ber-tingkat2, bagi orang2 yang mempunyai kuasa dan pe-ngaruh sangat-lah besar ke-

wajipan mereka terhadap tanggung jawab ini. Kerana Allah telah meletakkan kua-sa pendidekan dan jalan2 penche-gah yang di-shari'at-kan dalam bidang "huku-man2 ukubat dan ta'azir" kepada mereka. Maka Pega-wai2 Tertinggi Kerajaan ada-lah orang2 yang paling uta-ma dalam tanggung jawab merobah sa-chara praktik. Kemudian baru-lah kepala keluarga terhadap anggo-ta2 keluarga-nya, para pen-didek serta ketua2 yang di-perbolehkan undang2 untuk mengadakan perubahan sa-chara praktik. Ayah bertang-gonggong jawab terhadap anak-nya. Suami bertang-gonggong jawab terhadap isteri-nya. Para pendidek bertang-gonggong jawab terhadap orang2 yang di-didek-nya. Ketua bertanggung jawab terhadap orang2 yang di-ketuai-nya. Masing2 akan memikul tang-gonggong jawab terhadap dosa orang bawahan-nya di-hada-pan Allah s.w.t., di-hari ke-mudian nanti. Sabagaimana yang telah di-terangkan oleh Al-Qur'an di-dalam Ayat 25 dari surah Al-Nahli sakira2 erti-nya:

Mereka itu menanggung dosa2 mereka sa-penoh-nya di-hari kiamat dan dari dosa2 orang2 yg me-reka sesatkan tanpa di-ketahui, alangkah burok-nya dosa2 yang mereka lakukan."

Bukan-lah penyesatan itu hanya terletak pada perbuatan sengaja menyesatkan, tetapi juga terletak pada perbuatan tidak ambil pa-duli terhadap kesesatan yang di-lakukan oleh orang lain.

Kalau-lah tuan melihat si-buta tengah berjalan me-nuju jurang yang dalam, kemudian tuan tidak chuba menolong-nya padahal tuan boleh menolong-nya supaya terselamat dari bahaya ja-toh ka-jurang itu, maka tuan ada-lah bertanggung jawab di-hadapan undang2 dan shari'at kira-nya si-buta itu mendapat kemalangan ja-toh ka-jurang tersebut.

Dengan perkata'an: Ting-katan penche-gahan yang ke-dua ia-lah dengan nasihat dan peringatan yang baik yang boleh memberi kesan di-jiwa. Hal ini menghendaki kebijaksanaan supaya tidak keluar dari pesanan Allah s.w.t., dalam Ayat 25 dari surah Al-Nahli yang kira2 erti-nya:

Serukan-lah ka-jalan To-han mu dengan ka-bijak-sana'an dan nasihat yang baik.

Suatu hal yang tidak ha-rus di-lupakan ia-lah ten-tang para pemimpin dan penganjor hendak-lah men-jadi contoh tauladan yang baik di-mata masharakat, supaya segala nasihat, anjo-ran dan pimpinan mereka benar2 berkesan dan di-har-gakan masharakat. Kalau-lah mereka benar2 ingin memberi pimpinan dan tun-jok ajar maka hendak-lah dengan sa-chara bijaksana dan dengan jalan2 pimpinan yang bernilai yang memberi kesan yang baik dalam mem-bersekan masharakat dari perbuatan2 jahat (mung-kar).

Dengan hati: Sesiapa yang tiada berdaya bertindak

LIHAT MUKA 7

225 Orang Umat Islam dari Negeri Brunei Selamat Belayar ka-Mekah

SERAMAI 225 orang Umat Islam dari seluruh Negeri Brunei, ia-itu mengandungi orang2 dewasa lelaki dan perempuan serta kanak2 telah belayar dengan selamat dari Perayeran Labuan ka-Jeddah dalam Kapal Haji "ANSHUN" pada petang hari Rabu 18 Januari, 1967 untuk menunaikan fardhu Haji.

Pada tahun ini, sa-orang Pegawai Kerajaan Brunei telah dipilih oleh Jema'ah Penasehat Haji Negeri Brunei, sa-bagai mana yang kehendaki oleh Jema'ah Penasehat Haji Malaysia, untuk berkhidmat sa-bagai Pegawai Kebajikan Kehormat dalam Ka-

pal Haji tersebut. Beliau ia-lah Awang Haji Matahir bin Pehin Penyurat Haji Hashim dari Pejabat Tanah Negeri Brunei.

Bakal2 Haji itu telah belayar dari Tambatan Kastam Di-Raja Bandar Brunei ka-Perayeran Labuan dengan menaiki lima buah Kapal2 Kerajaan, ia-itu Kapal2 "Bolkiah", "Sultan," "Muara," "Laila Menchanai" dan "Sri Seria" pada jam 9.00 pagi hari tersebut.

Sa-baik sahaja mereka tiba di-Perayeran Labuan pada tengah hari tersebut, mereka telah menaiki Kapal Haji "Anshun" yang telah berlaboh di-Perayeran itu. Kapal itu telah belayar ka-Jeddah melalui Pelabuhan Pending di-Kuching (un-

tok mengambil Jema'ah2 Haji dari Sarawak), Singapura, Port Swettenham, Pulau Pinang dan lain2 pelabuhan.

Samenjak awal2 pagi hari tersebut, beribu2 orang telah membajiri Tambatan Kastam Di-Raja, Bandar Brunei untuk mengucapkan "Selamat Belayar ka-Tanah Suchi bagi menunaikan fardhu Haji dan Selamat Balek ka-Tanah Ayer" kepada bakal2 Haji tersebut.

Sa-belum bakal2 Haji itu belayar dari Tambatan Kastam Di-Raja, Bandar Brunei, Pemangku Kadhi Besar Negeri Brunei, Awang Haji Md. Zain bin Haji Seruddin telah mem-




berikan satu ucapan yang berharga mengandungi nasehat2 yang berfaedah kepada bakal2 Haji itu dalam pelayaran mereka ka-Tanah Suchi.

Dan sa-baik sahaja kapal2 tersebut belayar dengan perlahan2, sa-orang Pegawai Masjid pun menyuarakan Azan di-samping beribu2 orang di-Tambatan Kastam Di-Raja itu dan bakal2 Haji itu melambai2kan sapu tangan sa-bagai tanda "Selamat Berpisah buat sementara" dan "Selamat Tinggal buat sementara" di-antara satu dengan lain.

Gambar2 yang di-siarkan di-Muka 4 dan 5 ini di-ambil oleh Ketua Jurugambar Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei di-Tambatan Kastam Di-Raja, Bandar Brunei; di-Perayeran Labuan dan di-atas Kapal M/V "BOLKIAH" pada 18 Januari.



Dayang Aminah binte Siling, Johan Qariah Seluruh Negeri Brunei Tahun Hijrah 1385 yang telah belayar ka-Mekah atas perbelanjaan Kerajaan Brunei.



Uchapan Selamat Hari Raya daripada Pengetua P. H. E.

BANDAR BRUNEI. — "Kema'amoran yang di-chapai oleh negara kita yang di-kasehi ini, bukanlah hanya sa-bagai "Hujan Emas" turun daripada langit, bahkan ia ada-lah nekmata Allah yang di-sambut dan di-usahakan dengan pentadbiran yang bijaksana dan di-ran-changkan dengan perhitung-tongan yang tertentu dan betul menerusi usaha yang jujur, membangun per-kembangan2-nya ka-arrah lapangan2 hasil bumi, Pe-ranchangan Negara, Pela-ajaran2 Rendah dan Tinggi, Latehan Kesehatan atau pakar dan di-kuatkan pula dengan pembangunan Hal Ehwal Ugama kapada ra'ayat."

Demikian antara-nya kata Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin sa-bagai menyambut Hari Raya Aidil Fitri Tahun Hijrah 1386.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin menambahkan ba-ha-wa segala kemajuan dan kema'amoran yang telah tercapai dan di-nekmatai oleh ra'ayat Brunei pada hari ini, boleh-lah di-katakan bermula daripada hasil Zaman Pemerentahan serta berkat kebijaksanaan an Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin, yang sentiasa menchurahkan sa-penoh perhatian Baginda untuk kema'amoran dan kemulia'an ra'ayat Baginda.

Dalam ucapan terse-but, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin menegaskan "Shukor-lah kita kapada Allah Subhanahu Wata'ala dengan nekmata-Nya, maka Umat Islam telah berjaya menjalani dan mengakhiri satu tempoh yang tertentu sa-lama sabulan dalam ujian dan ka-jian, ia-itu Berpuasa pada Bulan Ramadhan, di-mana kita telah mengalami ke-pahitar lapar dan dahaga sa-panjang2 siang dalam Bulan Ramadhan dan telah berjaya dalam per-juangan menentang nafsu kita dari berbagai2 bentok



Y.A.M. Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin

dan rupa, kejayaan2 hasil dari perjuangan itu mu-dah2an akan membawa bertambah2 ka-azaman dalam menghadapi tugas dunia dan akhirat dan bertam-bah2 bertimbang rasa kapada orang2 yang tidak bernasib baik.

Pada menghadapi sedeh dan pedih-nya penderi-taan mereka hamba2 Allah dalam mengalami kepahitan lapar dan dahaga itu memberi azam dan semang-at baharu kapada kita memerangi kelaparan dan kemiskinan di-kalangan Umat maanusia khas-nya di-kalangan ra'ayat nega-ra kita, dalam usaha un-tok memajukan taraf ke-hidupan ra'ayat lebeh tinggi di-sagenap pelusok Tanah Ayer yang di-kasehi, sa-bagaimana yang di-chita2kan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan.

Kehidupan ra'ayat boleh maju dan ma'amor dengan sebab2 usaha2 yang tertentu antara-nya dari hasil pembangunan nega-ra, hasil mahsul, pentad-biran dan dasar2 ekonomi yang telah dan sedang di-laksanakan oleh Kerajaan dengan mendapat kerjasa-ma dan sokongan dari ke-seluruhan ra'ayat untuk menyambut dan menyahut segala ranchangan Kera-ja'an untuk memajukan Hal Ehwal Masharakat, perkembangan ilmu penge-tahuan, dan ugama, perge-rakan2 kebangsaan yang sehat dan wajar.

Apabila kita memandang kapada kema'amoran nega-ra kita dan ra'ayat-nya, yang tiada dapat di-nafikan pada masa ini, insaf-lah kita bahawa kita boleh-lah di-katakan termasok dalam gulungan umat manusia yang bernasib baik

Ugama

di-dunia sebelah sini dan patut-lah kita menyedari bahawa nekmata Allah yang di-kurniakan kapada kita itu harus-lah di-pelihara dengan sa-baik2-nya mu-dah2an berkekalan nekmata itu hendak-nya.

ALLAHU AKBAR, — hari yang berkat yang ditunggu dengan penoh minat dan harapan Aidil Fitri ia-lah hari yang sudah menjadi peristiwa mulia yang di-sambut oleh kita umat Islam Brunei sa-bagai istiadat warisan kebangsaan dan ugama di-lakukan sejak berkurun2.

Sa-bagai tanda kesu-kaan dan keshukoran kapada Allah, pada akhir Bulan Ramadhan kita mengeluarkan zakat diri atau Fitrah tiap2 sa-orang sa-banyak 3 kati 12 tahlil beras atau harga-nya di-be-rikan kapada orang2 yang berhak menerima-nya.

Kemudian apabila terbit mata-hari satu Shawal maka umat Islam pun bertakbir memuji kebesaran Allah dengan me-makai pakaian2 baharu berwarna warni keluar pergi ka-tempat2 perhim-punan 'am atau di-Mas-jid2 untuk bersama2 bertakbir dan sembahyang dua raka'at Aidil Fitri dan mendengar nasehat2 dalam Khotbah Raya, sate-lah itu mereka pun bersurai-lah pulang ka-rumah menyediakan jamuan atau pergi berziarah dari rumah ka-rumah bertukar2 Ucha-pan Selamat dan Tahniah. berjabat tangan berma'a-fan2 dan menekmati hi-dangan juadah dan makana yang beraneka ragam.

Sambutan meriah ini su-dah-lah menjadi teradasi kebangsaan kita dan hari kebesaran ini sa-lain daripada kebesaran ugama ia-lah juga hari kebesaran kebangsaan kita yang di-sambut dengan penoh ke-sukaan dan kegembiraan oleh seluruh ra'ayat, sama ada ra'ayat Islam dan yang bukan Islam juga tu-rut menekmati kegembira'an pada Hari Raya ini.

Hasil daripada Puasa Ramadhan ia-lah Hari Raya dan hasil daripada Hari Raya ia-lah kegembira-

an dan persahabatan dan berma'afan di-antara sa-orang dengan yang lain serta melahirkan rasa tu-lus ikhlas dan ramah mes-ra. Oleh yang demikian di-samping saya menguchap-kan tahniah Selamat Ber-hari Raya Aidil Fitri kapada saudara2 kaum muslimin dan ra'ayat serta pen-duduk negeri ini, saya me-rasa penoh harapan semo-ga saudara2 sekalian menyimpan dalam hati hasil daripada Berhari Raya ini iaitu kegembira'an persahabatan dan saling bersa-fahaman di-antara kita sekalian berkekalan sa-tiap masa hingga sa-lepas daripada Hari Raya, bahkan perasaan kaseh sa-yang dan bersahabat den-gan ramah mesra itu, ha-rus-lah di-abadikan men-jadi sifat2 mulia bagi selu-roh Umat Islam dan ra'a-yat negeri ini, yang akan membawa ka-arrah keba-hagiaan bersama dalam menuju ka-arrah pembang-unan dan perkembangan negara di-dalam suasana kehidupan yang harmoni dan aman tenteram kera-na dalam zaman pemban-gunan negara kita yang ma'amor ini amat-lah mustahak berkekalan ujud-nya suasana aman damai dan kegembira'an di-antara penduduk2 sekalian supaya semua orang mera-sa bahagia dan semua-nya pula berusaha bahu mem-bahu untuk melipat gan-dakan kemajuan yang le-beh besar bagi negara kita yang di-kasehi ini.

Mengambil sempena sa'-at yang berbahagia dan berkat ini saya mengu-chapkan terima kaseh dan tahniah kapada Umat Is-lam di-negeri ini yang telah menunjukkan hormat dan patoh kapada kemu-liaan berpuasa pada tahun ini kerana boleh di-kata-kan kebanyakan Umat Is-lam benar2 menjauhkan diri daripada membuat ke-salahan melahirkan tidak berpuasa di-tempat2 ra-mai.

Uchapan terima kaseh saya juga kapada sekalian Umat Islam terutama se-kali Pegawai2 Ugama di-seluruh negeri atas keja-ya'an ini dan saya harap sa-lepas puasa dan Raya

LIHAT MUKA 7.



Ini-lah satu pemandangan dalam Pasar Besar Kerajaan di-Bandar Brunei. Dalam gambar ini kelihatan beberapa orang sedang membeli ikan yang di-jual di-pasar itu.

UCHAPAN SELAMAT HARI RAYA DARIPADA PENGETUA P.H.E. UGAMA

DARI MUKA 6.

dapat-lah mereka sekalain berusaha dan menjalankan tugas dengan lebih giat dan bersungguh2 untuk faedah umat Islam, dan memikirkan dengan fikiran yang waras atas sa-suatu yang tertentu bagi faedah bersama dan saya berharap Hari Raya Aidil Fitri yang mulia ini di-samping menjelang-nya tahun baharu akan membawa ra'ayat dan negeri ini ka-arrah ke-amanan,

perpaduan, kesejahteraan, kemakmoran dan kebahagiaan.

Pada akhir-nya sekali lagi saya mengucapkan Selamat Berhari Raya kepada seluruh ra'ayat dan umat Islam di-negeri Brunei termasuk-lah Pegawai2 Kerajaan dan Pegawai2 Ugama. Pasokan2 Bersenjata dan Pegawai2 Keamanan serta kaki tangan Jabatan Ugama sa-moga sekalian kita berada di-dalam sehat wal-afiat dan bahagia sa-lama2-nya.

Pejabat Jabatan Perpindahan Kampung Ayer Brunei Pemberitahuan Tawaran

1. TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengurus, Lembaga Tawaran di-Jabatan Kewangan Negara, di-Bangunan Pejabat2 Kerajaan Brunei tingkatan bawah, daripada Kontrektor2 bagi Kelas B dan C yang berdaftar dengan Jabatan Kerajaan Brunei sa-hingga jam 4.00 petang hari Ithnin 30 Januari, 1967.

'PEMBINA'AN PARIT2 CEMENT BERANGKA DAWAI DAN MENDALAMI SERTA MENGHALUSI PARIT TANAH YANG LAMA DI-BELAKANG BANGUNAN SEKOLAH SAMPAI KA-SUNGAI BESAR (TERUSAN B.T.T.C.) DAN MENDIRIKAN 5 KAKI TINGGI 'GALVANISED' PAGAR BESI 'CHAINLINK' TERMASOK PEMBINA'AN 5 PINTU PAGAR SA-KELILING SEKOLAH'.

2. Tawaran2 yang di-terima sa-sudah waktu ini akan di-tolak.

3. Pelan2 dan butir2 kenyataan boleh-lah di-lihat dan segala butir2 lain boleh di-perolehi dari Pejabat Perpindahan Kampung Ayer Bru-

nei samasa waktu bekerja.

4. TAWARAN MESTI-LAH DI-MASOKKAN KA-DALAM SAMPOL2 SURAT BIASA YANG BERTUTOP. Maka di-muka sampol surat itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenal-kan siapa nama penawar.

5. Sampol2 surat itu mestilah di-alamatkan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran2 di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara di-Bangunan Pejabat2 Kerajaan Brunei tingkatan bawah.

6. Kerja yang di-tawarkan mestilah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat dan perkataan-nya "PEMBINA'AN PARIT2 CEMENT YANG BERANGKA DAWAI BESI DAN MENDALAMI SERTA MENGHALUSI PARIT TANAH YANG LAMA DI-BELAKANG BANGUNAN SEKOLAH SAMPAI KA-SUNGAI BESAR (TERUSAN B.T.T.C.) DAN MENDIRIKAN 5 KAKI TINGGI PAGAR BESI (GALVANISED WIRE) CHAINLINK, TERMASOK-LAH PEMBINA'AN 5 PIN-

Banduan Lulus Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang banduan, Awangku Jambol bin Pengiran Haji Sulaiman, yang telah belajar dengan giat-nya di-Penjara Jerudong, Brunei telah lulus dalam Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (L.C.E.) dalam tahun 1966 dengan mendapat Grade I.

Menurut satu siaran yang di-terbitkan oleh Penguasa Penjara Brunei, Pengiran Hidup bin Pengiran Hashim, ini ada-lah kali yang pertama orang banduan di-Penjara Jerudong telah mengambil Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan telah mendapat kejayaan.

Pengiran Hidup menerangkan bahawa peperiksaan tersebut telah di-adakan di-Pejabat Penjara, Bandar Brunei.

TU PAGAR SA-KELILING KAWASAN SEKOLAH".

7. TAWARAN2 YANG DI-TERIMA DALAM SAMPOL2 SURAT YANG TIDAK DI-ALAMATKAN DENGAN BETOL AKAN DI-TOLAK.

8. Bayaran chengkeram tawaran ia-lah \$100.00 (satu ratus ringgit sahaja). Chengkeram ini boleh di-kembalikan kepada penawar2 yang tidak berjaya selepas keputusan-nya di-ketahui. Wang chengkeram akan hilang jika yang berjaya menolak tawaran tersebut.

9. Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas borang2 tawaran yang berchetak yang boleh di-perolehi dari Pejabat Perpindahan. Kampung Ayer Brunei dengan membayar chengkeram tawaran itu.

10. TAWARAN2 YANG DI-BUAT DI-ATAS BORANG2 YANG TIDAK BETOL AKAN DI-TOLAK.

11. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sahabat rendah sakali atau sabarang tawaran.

(G. D. BECKET)
Pegawai Perpindahan
Kampung Ayer,
Brunei.

Perbuatan Jahat dan Kesan-nya...

DARI MUKA 3.

membuat penchegahan sa-chara kekuatan dan perka-taan, maka bukan-lah ber-ma'ana ia harus memejam-kan mata dan menutup telingga terhadap sesuatu perbuatan jahat di-hadapan-nya, dan menganggap bahawa maksud Hadith yang berbunyi: "Sa-siapa yang tiada berdaya hendak-lah dengan hati-nya" itu chukok dengan memendam perasaan di-hati tanpa sa-suatu tindakan yang boleh memberi kesan sa-chara positif. Kerana dengan hati sahaja tidak akan mendatangkan kesan dan perubahan. Tetapi yang sa-benar-nya apa yang di-maksudkan "ingkar dengan hati" terhadap sesuatu perbuatan jahat (mungkar) itu ia-lah dengan chara tindakan sementara dengan mengadakan perang urat saraf; dengan erti bahawa dalam hal ini di-kehendaki kita memutuskan hubungan dengan orang2 yang membuat kejahatan itu sa-lagi mereka belum meng-hentikan perbuatan ma'siat mereka. Maka usaha-lah kita memberi layanan biasa pada mereka; sa-hingga-lah mereka terasa akan kesalahan mereka. Kita rasa dengan chara perang urat saraf ini orang itu akan gelisah dan kehilangan kemesra'an dari orang2 sekitar-nya. Hal ini seterusnya akan memberi kesan yang mendalam dalam jiwa-nya yang memungkinkan ia-nya mengubah jalan hidup-nya.

Oleh kerana perbuatan chara ini tidak mendatangkan kesan melainkan pada "si-pembuat kejahatan" sahaja dan tidak akan memberi kesan sa-chara umum di-kalangan masharakat maka itu-lah sebab-nya ia-nya di-golongkan dari "sa-lemah2 iman".

Dari tingkatan2 tindakan mengadakan penchegahan dan perubahan terhadap perbuatan2 sumbang dan jahat ini dapat-lah kita mengambil ingatan betapa kewajiban kita masing2 terhadap sa-suatu perbuatan yang melanggar tata susila ugama dan masharakat. Menyedari tanggung jawab ini amat-lah perlu supaya dengan demikian tindakan2 berkesan dan bijak akan di-ujudkan dalam usaha2 mengadakan perbai-kan2 masharakat dari perbuatan2 yang melanggar larangan ugama.

Di-keluarkan oleh: Badan Penerangan Ugama Islam, Brunei.

Gunakan-lah Bahasa Melayu

Minggu Tata-Tertib Di-Jalan Raya Anjoran Polis Di-Raja

MINGGU TATA-TERTIB DI-JALAN RAYA yang telah di-lancarkan oleh Pasokan Polis Di-Raja Negeri Brunei di-seluruh negara samanjak hari Ithnin 23 Januari, 1967 akan berakhir pada hari Ahad 29 Januari, 1967.

Menurut Pesuruhjaya Polis Di-Raja Negeri Brunei, Awang J. R. H. Burns, pehak Polis bermaksud hendak mengingatkan kepada sekalian pengguna2 jalan raya di-seluruh Negeri Brunei supaya mereka sentiasa:

(a) Rapat ka-sabelah kiri jalan, terutama sekali apabila mereka berada di-jalan2 raya dalam Bandar Brunei; (b) Memberi ISHARAT dengan tangan atau pun menggunakan Isharat2 khas yang ada di-kenderaan masing2 supaya maksud dan tujuan mereka itu sempat di-ketahui oleh orang ramai; (c) Jangan melampaui atau melebehi HAD LAJU yang di-tetapkan; (d) Bertata-tertib di-jalan raya dan menjalankan kenderaan masing2 perlahan2 apabila sampai ka-tempat2 yang ada kanak2 sekolah; binatang2; orang2 yang berjalan kaki dan orang2 yang turun dari kenderaan2 yang lain, kerana ini semua-nya ada-lah memungkinkan berlaku-nya keadaan yang marabahaya; (e) Mempastikan yang "brake" dan lampu2 kenderaan masing2 sempurna keadaan-nya dan (f) Mempunyai alat2 pemancar merah yang berkesan di-kenderaan masing2.

Dalam minggu sa-belum pehak Polis melancarkan Minggu Tata-Tertib di-Jalan Raya itu, pehak Polis telah memeriksa tindak-tindok anggota2-nya dan alatan2 serta kenderaan2-nya sendiri.

Orang2 yang berjalan kaki ada-lah di-ingatkan supaya menggunakan kaki2 lima, jika ada dan jika kaki2 lima itu tidak ada, mereka ada-lah di-nasehatkan supaya berjalan di-sabelah kanan jalan dan menyeberang terus.

Pihak Polis juga mengingatkan kepada orang ramai JANGAN-LAH mereka menyeberangi jalan di-selekoh2 dan juga di-belakang2 kenderaan.

Mudah2an dengan kerjasama pemandu2 ia-itu berpandu kepada Peratoran Jalan Raya serta juga orang ramai dan kanak2 pada masa menggunakan jalan raya, maka dapat-lah Minggu Tata-Tertib itu yang di-lancarkan oleh Pasokan Polis Di-Raja Negeri Brunei memperoleh kejayaan.



Tiga orang Pegawai2 Polis dalam gambar ini telah memberikan cheramah melalui Radio Brunei baru2 ini mengenai Kempen Minggu Tata-Tertib Di-Jalan Raya, anjoran Pasokan Polis Di-Raja Negeri Brunei.

Di-kanan ia-lah Timbalan

Pesuruhjaya Polis Di-Raja Negeri Brunei, Pengiran Dato Pahlawan Jaya bin Pengiran Haji Rajid. Di-kiri ia-lah O.C.P.D. Brunei, Awang V. E. Pike dan di-tengah ia-lah Inspektor Cheng Si Onn dari Ibu Pejabat Polis Di-Raja Brunei.

RISALAH "PERDA"

TUTONG.—Persatuan Pemuda Penanjong "PERDA" telah mengeluarkan Risalah Tahunan Persatuan mereka pada 23 Januari, 1967. Risalah ini ada-lah keluaran pertama yang di-usahakan oleh Badan Persuratan Persatuan itu.

Di-samping memuatkan beberapa usaha yang telah dijalankan oleh Setiausaha2

Bahagian dalam rangka kerja sa-panjang tahun, maka risalah itu juga turut memberi sumbangan kechil-nya dalam langkah memupok perkembangan Bahasa Melayu — Bahasa Rasmi yang tunggal negeri ini, dengan menghidangkan beberapa buah Makalah (renchana), Pendidikan, Ilmu Pengetahuan, Cherpen, Sajak dan sa-umpama-nya.

Setiausaha Persuratan "Perda," Awang Jumat Salleh, menerangkan bahawa risalah itu hanya akan di-jual kepada ahli2 "Perda" sahaja, dan akan di-beri dengan perchuma kepada Persatuan2/Kelab2 Belia di-negeri ini. Kapada Persatuan2/Kelab2 Belia yang tidak dapat kami hubongi dan berrminat hendak membaca risalah kami, maka di-persilakan berhubung dengan Setiausaha Persuratan "PERDA," Penanjong, Tutong.

Unggun Api Pengkap2

SERIA. — Pengkap2 di-Daerah Belait akan mengadakan satu temasha Unggun Api di-kawasan Ibu Pejabat Pengkap Daerah Belait di-Seria pada jam 6.30 petang 27 Januari, 1967 untuk memberi "Selamat Berpisah" kepada Yang Dipertua, Persatuan Pengkap Daerah Belait, Awang C.N.C. Haslam.

Klinik Bergerak untuk Kegunaan Bakal2 Haji di-Tanah Suchi

BANDAR BRUNEI. — Sebuah Klinik Bergerak yang telah di-beli dengan wang Tabong Derma Awang M.S.E. Angullia akan digunakan di-Arabia untuk memberi kerja2 pertolongan perubatan kepada bakal2 Haji dari Brunei, Malaysia dan Singapura.

Klinik Bergerak tersebut, berharga \$23,000 telah di-hadiahkan kepada Kerajaan Malaysia atas nama Awang Angullia, sa-orang saudagar yang datang dari India ka-Singapura dan meninggal dunia enam puluh tahun dahulu.

Allah yarham M.S.E. Angullia telah mengamanahkan harta pesaka-nya ka-

pada satu Badan Amanah untuk menyelenggarakan-nya menolong Badan2 Kebajikan; pelajaran dan sa-bagai-nya.

Klinik Bergerak itu telah di-sampaikan oleh Tuan Haji Mohamed Khan, sa-orang Ahli Badan Amanah Harta Pesaka Angullia, kapada Pegawai Konsol Pesuruhjaya Tinggi Ma-

laysia di-Singapura.

Majlis Penyampaian Klinik Bergerak itu telah dilangsungkan di-Pelabohan Tambatan Singapura baru2 ini. Klinik Bergerak itu kemudian-nya telah dibawa oleh Kapal Haji "Anshun" ka-Jeddah bersama2 dengan bakal2 Haji dari Negeri Brunei seramai 225 orang; 547 orang bakal2 Haji dari Malaysia dan 111 orang bakal2 Haji dari Singapura.

Perlawanan Rugby Pasokan2 Polis

BANDAR BRUNEI. — Satu Perlawanan Rugby sa-chara persahabatan akan di-adakan di-Padang Besar, Bandar Brunei pada jam 4.30 petang hari Thalatha 31 Januari, 1967 antara Pasokan Polis Di-Raja Negeri Brunei dengan Pasokan Polis Sarawak dari Kuching. Demikian menurut sa-orang Pegawai Kanan Polis Di-Raja Brunei.

Orang ramai ada-lah di-jemput menyaksikan Perlawanan Rugby tersebut.

**HORMAT MENGHORMATI DI-JALAN RAYA—
BERARTI MENGELAKKAN BAHAYA**